

Air Pasang: Beberapa kawasan dinaiki air di Klang

Malaysiakini

10 Oktober 2018

Beberapa kawasan di Klang dinaiki air sehingga kira-kira 0.5 meter berikutan hujan lebat dan fenomena air pasang besar yang berlaku petang tadi.

Jurucakap Unit Pengurusan Bencana Selangor berkata kawasan yang dinaiki air adalah di Kampung Delek Kiri, Taman Bukit Kemuning dan Taman Melawis.

"Di Kampung Delek Kiri air naik kira-kira sehingga paras lutut berikutan hujan lebat sejak petang tadi, ia ditambah dengan kunci air di Kampung Sungai Sireh yang tidak dapat dibuka menyebabkan air melimpah ke jalan raya dan kediaman penduduk.

"Di Taman Bukit Kemuning pula air naik sehingga 0.2 meter selain fenomena air pasang besar yang menyebabkan paras air di Sungai Rasau meningkat dengan mendadak," katanya ketika dihubungi Bernama semalam.

Tambah jurucakap berkenaan, Taman Melawis pula dinaiki air mulai pukul empat petang berikutan hujan lebat dan peningkatan paras air Sungai Klang akibat fenomena berkenaan.

Bagaimanapun menurut jurucakap itu, tiada mangsa dipindahkan ke pusat penempatan sementara dan pihak bertanggungjawab akan sentiasa memantau keadaan, arahan untuk berpindah akan dikeluarkan jika perlu.

Berdasarkan jadual pasang surut air bagi kawasan Pelabuhan Klang, paras air diramalkan akan berada pada paras tertinggi mulai pagi tadi sehingga Khamis ini dengan ketinggian mencecah 5.6 meter.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/446658>